

BAHAGIAN A
(20 markah)

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan Bahagian A dan Bahagian B

1. “Allah s.w.t. berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendaknya”
Pernyataan di atas berkaitan...
 - A Konsep uluhiyyah
 - B Konsep rububiyyah
 - C Konsep asma’ wa sifat
 - D Konsep syumuliyah

2. Antara berikut yang manakah keistimewaan yang dimiliki oleh manusia?
 - A Menjadi mulia
 - B Bebas bertindak
 - C Beranak pinak
 - D Menjadi Rasul

3. Berikut adalah konsep uluhiyyah kecuali...
 - A Mengakui hanya Allah s.w.t. yang layak untuk disembah dan ditaati
 - B Kekuasaan Allah s.w.t. meliputi langit dan bumi
 - C Orang yang tidak beriman dengan tauhid ini dianggap sesat
 - D Paksi utama bagi tauhid ini ialah dua kalimah syahadah

4. Fitrah beragama ialah naluri semula jadi
 - A menyayangi Allah SWT
 - B mengaku adanya Allah SWT
 - C beribadah kepada Allah SWT
 - D menolak kewujudan Allah SWT
5. Allah s.w.t. mempunyai sifat-sifat yang wajib diimani. Berapakah bilangan sifat wajib bagi Allah s.w.t.

| | | | |
|---|----|---|----|
| A | 10 | C | 30 |
| B | 20 | D | 40 |

6. Tanggungjawab manusia terhadap alam ialah
 - I Memelihara alam
 - II Memulihara alam
 - III Merosakkan alam
 - IV Mencemarkan alam

| | | | |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II | C | III dan IV |
| B | II dan III | D | I dan IV |

7. Berikut adalah faedah memelihara alam
- | | | | |
|-----|--|---|----------------|
| I | Mengawal bencana alam | | |
| II | Mengawal suhu bumi | | |
| III | Mengekalkan keindahan alam | | |
| IV | Mengelakkan kepupusan habitat haiwan dan tumbuh-tumbuhan | | |
| A | I, II dan III | C | II, III dan IV |
| B | I, II dan IV | D | Semua di atas |
- 8.
- Akal ialah anugerah daripada Allah s.w.t. kepada manusia
 - Akal membezakan manusia dengan makhluk yang lain
 - Akal manusia boleh berkembang
 - Akal tidak mampu berfikir dan memahami perkara-perkara ghaib
- Pernyataan di atas berkaitan...
- | | |
|---|------------------------------|
| A | Peranan akal |
| B | Perkara yang merosakkan akal |
| C | Ciri-ciri akal |
| D | Definisi akal |
9. Berikut adalah perkara yang merosakkan akal, kecuali
- | | |
|---|---|
| A | Mengawal sesuatu perbuatan yang belum dilakukan dan bertindak secara rasional |
| B | Sentiasa memikirkan perkara-perkara yang negatif dan tidak sihat |
| C | Mengambil makanan dan minuman yang dilarang oleh Islam |
| D | Terlibat dengan pemikiran dan ideologi yang negatif serta bertentangan dengan Islam |
10. Semua maklumat di bawah adalah mengenai cara bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t. kecuali
- | | |
|---|--|
| A | Memikirkan cara untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. |
| B | Melihat dan membaca bahan-bahan bacaan yang negatif |
| C | Menyumbangkan idea-idea yang baik ke arah kemajuan dan pembangunan alam serta masyarakat |
| D | Mengasah akal dengan cara berfikir, belajar, berkarya, dan sebagainya |
11. Semua fahaman di bawah adalah merupakan unsur-unsur pencemar kesucian Islam
- | | |
|-----|----------------|
| I | Syumulisme |
| II | Sekularisme |
| III | Materialisme |
| IV | Sosialisme |
| A | I, II dan III |
| B | I, II dan IV |
| C | I, III dan IV |
| D | II, III dan IV |

12. Tanpa petunjuk wahyu, manusia akan menuju kepada
- I kesesatan iman
 - II keruntuhan akhlak
 - III kejumudan pemikiran
 - IV kecemerlangan dunia dan akhirat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
13. Antara berikut, yang manakah perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT?
- A Maunah
 - B Karamah
 - C Irhas
 - D Sihir
14. Semua yang berikut adalah keistimewaan insan **kecuali**
- A menjadi rasul
 - B menjadi khalifah
 - C memiliki akal fikiran
 - D menyembah Allah SWT
15. Berikut merupakan sebab Allah SWT merahsiakan alam ghaib.
- I Untuk menguji keimanan manusia
 - II Menunjukkan kekuasaan Allah SWT
 - III Untuk mengukuhkan keimanan hambaNya
 - IV Alam ghaib tempat balasan orang yang derhaka
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
16. Perkara terakhir yang perlu dilalui oleh hamba Allah SWT sebelum ke syurga atau neraka ialah
- A menghitung amal
 - B meniti sirat
 - C alam kubur
 - D hari kiamat
17. Antara punca berlakunya kerosakan alam ialah
- A manusia tidak memegang amanah Allah SWT
 - B manusia lalai melakukan ibadat sunat
 - C manusia bersikap sambil lewa dalam beramal
 - D manusia banyak melakukan dosa atau maksiat

18. Apakah yang membezakan insan dengan haiwan?
- A Berkata-kata
 - B Berakal
 - C Bernafsu
 - D Berkeluarga
19. Antara yang berikut, yang manakah faktor penurunan al-Quran?
- A Kemampuan akal yang terbatas
 - B Setiap nabi ada kitab masing-masing
 - C Rasulullah SAW seorang yang *ammi*
 - D Kitab kegunaan umat Islam
20. Hadis ialah
- A perbuatan dan pengakuan nabi
 - B percakapan dan perbuatan nabi
 - C percakapan dan pengakuan nabi
 - D percakapan, perbuatan dan pengakuan nabi

BAHAGIAN B
(20 markah)

Soalan 21 hingga Soalan 25

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan

| | | |
|----------|--------|----------|
| Al-Quran | Maksum | Mujtahid |
| Mukjizat | Azali | Perawi |

21. Sifat ini perlu ada pada nabi dan rasul untuk menjaga martabat dan kemuliaan sebagai utusan Allah S.W.T.
22. Ilmu Allah S.W.T. yang hakik, qadim, kekal dan mutlak
23. Kalam Allah S.W.T. yang mu'jiz, lafaznya dalam bahasa arab, termaktub dalam mushaf dan dipindahkan secara mutawatir
24. Seorang yang menyampaikan hadis yang diambil dari Rasulullah SAW dan menyampaikan kepada orang lain
25. Individu atau sekumpulan yang berusaha sedaya upaya mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan Hadis

Soalan 26 hingga Soalan 29


Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

| | | |
|--------------|---------------|-------|
| Majlis Syura | Makruh | Wajib |
| Fatwa | Ibadat Khusus | Qisas |

26. Amalan yang disyariatkan oleh Allah S.W.T samada fardu atau sunat merujuk kepada _____
27. _____ merupakan kuasa tertinggi dalam pemerintahan Islam selepas Allah S.W.T.
28. Hukum _____ ialah perlakuan yang disarankan untuk meninggalkannya sebagai langkah mengelakkan mendapat dosa.
29. Diat dilaksanakan dengan memberi sejumlah harta kepada waris sebagai ganti kepada _____.

Soalan 30 hingga Soalan 31

| | | |
|----------------|----------------|----------------|
| Matlamat Qadha | Matlamat Fikah | Matlamat Fatwa |
|----------------|----------------|----------------|



Berdasarkan rajah di atas,


30. P ialah _____

31. Q ialah _____

Soalan 32 hingga Soalan 33

Lengkapkan rajah di bawah dengan sifat-sifat Rasul yang betul


| | | | |
|--------|---------|---------|---------|
| Kitman | Fatonah | Khianat | Tabligh |
|--------|---------|---------|---------|



32. **R** ialah : _____

33. **S** ialah : _____

Soalan 34 dan Soalan 35 berdasarkan rajah berikut



34. T ialah _____

35. U ialah _____

Soalan 36 sehingga Soalan 40

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.

36. Pendidikan bermaksud kejayaan dalam keperibadian manusia yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek
37. As-Sunnah berfungsi menegaskan hokum yang tidak jelas dan menjelaskan hukum yang kurang jelas
38. Tujuan hukuman takzir supaya pesalah tersepit dan tertekan agar tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan
39. Hukum taubat adalah wajib terhadap orang yang melakukan dosa
40. Pembatalan ikatan perkahwinan atau perceraian menurut keputusan kadhi disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi pada masa akad nikah